PERIBAHASA

Isi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah dengan jawapan yang **paling sesuai.**

1 Nenek Sunarti tidak pernah membaca sebarang surat khabar ataupun majalah kerana dia _____.

A buta hati

B buta huruf

C buta kayu

D buta gaji

2 Tan Lean Keong tidak mempunyai kakak dan adik. Oleh sebab itu dia dianggap _____.

A anak buah

B anak emas

C anak tunggal

D anak bongsu

3 Semasa menaiki pesawat ke Kota Kinabalu, adik tidak henti-henti berbual kerana adik_____.

A otak cair

B otak udang

C mulut murai

D mulut tempayan

4 Kunding mengambil sekeping roti berkrim sebagai_____ sebelum pergi ke sekolah.

A alas perut

B ikat perut

C perut busuk

D perut kosong

5 Kesemua_____Tuan Haji Azhar dan Puan Hajah Azilah sudah mendirikan rumah tangga.

A anak tut

B anak tiri

C anak bini

D anak beranak

6 Azizi dan anak-anaknya_____kerana sebaik sahaja mereka sampai jamuan mula dihidang.

A langkah kanan

B langkah bendul

C langkah seribu

D langkah kiri

7 Puan Basrah masih_____meneruskan perniagaan suaminya walaupun tidak mendapat sokongan daripada anak-anaknya.

A geli hati

B makan hati

C cekal hati

D isi hati

8 Semua barang itu dijual dengan _____dalam Pameran Jom Heboh.

A harga diri

B harga mati

C tanda mata

D tanda harga

9 Yoke Lan_____ sehingga dia tidak menyedari bilik tidurnya telah dicerobohi pencuri.

A pekak badak

B lepas tangan

C makan hati

D tidur mati

10 Pengadil bola sepak antara sekolah saya dengan sekolah jiran dicaci oleh para penonton kerana _____semasa mengadili perlawanan tersebut.

A banyak mulut

B berat sebelah

C angkat kaki

D lepas tangan

11 Keadaan Aliff Imran_____ menyebabkan dia tidak mahu menyertai perlumbaan jalan kaki.

A bagai cicak makan kapur

B bagai kumbang putus tali

C bagai itik pulang petang

D bagai balak terendam

12 Siti Norhana dan Nurul Amirah_____ kerana sering bergaduh walaupun perkara itu kecil.

A bagai ayam disambar helang

B bagai anjing dengan kucing

C bagai katak di bawah tempurung

D bagai melepaskan batuk di tangga

13 Kebanyakan penduduk Kampung Sungai Batu _____ kerana mereka mendapat bayaran pampasan yang tinggi daripada pihak kerajaan.

A bagai bulan jatuh ke riba

B bagai kaca jatuh ke batu

C bagai duri dalam daging

D bagai ayam disambar helang

14 Puan Zainab_____kerana lima ahli keluarganya telah maut dalam kemalangan itu.

A bagai melepas anjing tersepit

B bagai dihiris dengan sembilu

C bagai ayam disambar helang

D bagai kaca jatuh ke batu

15 Oii Sik Lee dianggap_____kerana tidak dapat menyesuaikan diri dengan masyarakat setempat.

A seperti lipas kudung

B seperti ayam berak kapur

C seperti bulan penuh purnama

D seperti kera sumbang

16 Setelah kematian ayah dan ibu, kehidupan Azira dan adik-adiknya

_____

A bagai mendukung biawak hidup

B bagai ayam mengeram telur

C bagai pahat dengan penukul

D bagai wau putus tali

17 Encik Badarudin_____ setelah menerima panggilan ugutan dan pesanan ringkas daripada seorang yang tidak dikenali.

A bagai mencurah air ke daun keladi

B bagai menghitung bulu kambing

C bagai berumah di tepi pantai

D bagai anjing buruk kepala

18 Mak Timah hidup susah dan terbiar kerana tidak dipedulikan oleh anak-anak dan jiran tetangganya_____.

A seperti rumput di tepi jalan

B seperti tikus jatuh ke beras

C seperti mendukung biawah hidup

D seperti sudah jatuh ditimpa tangga

19 Jalan raya menuju ke Cameron Highlands agak curam dan bengkang-bengkok seperti_____.

A bumi dengan langit

B aur ditarik songsang

C pinang dibelah dua

D ular kena palu

20 Setelah berjaya menjawat jawatan yang tinggi di bandar, Kumaresan telah melupakan ibu bapanya di kampung seperti

_____

A enau dalam belukar

B kacang lupakan kulit

C aur dengan tebing

D dakwat dengan kertas